

25 AUG 2001

Bajau-Mahathir

MASYARAKAT BAJAU HARGAI JAMINAN DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 25 Ogos (Bernama) -- Masyarakat Bajau di Sabah hari ini menyatakan penghargaan terhadap jaminan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kepentingan suku kaum serta kumpulan minoriti di Sabah dan Sarawak tidak akan disisihkan dalam program pembangunan negara.

Presiden Persatuan Senibudaya Bajau Sabah (PSBB), Datuk Salleh Tun Said berkata sebagai satu daripada rumpun bangsa di negara ini, masyarakat Bajau rasa bertuah dapat menikmati hidup aman dan makmur, dan oleh itu akan pasti sama-sama dapat menyumbang ke arah kemajuan negara.

"Kita rasa bertuah di atas kepimpinan Perdana Menteri yang tidak pernah mengetepikan kepentingan suku Bajau dalam apa juga bidang dan tindakan," katanya ketika merasmikan Seminar Jatidiri dan Anjakan Paradigma Masyarakat Bajau di sini hari ini.

Salleh berkata masyarakat Bajau memberi sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri.

Ketika melawat Sabah bulan lepas, Dr Mahathir memberi jaminan bahawa kepentingan masyarakat kaum minoriti di Sabah dan Sarawak tidak akan disisihkan, sebaliknya akan diberi tempat dan layanan sama rata.

Salleh yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri, berkata masyarakat Bajau yang mewakili sebahagian suara rakyat Sabah akan bersungguh-sungguh untuk menjayakan misi dan wawasan Perdana Menteri.

Beliau turut mengingatkan masyarakat Bajau mengenai pentingnya mereka memberi tumpuan terhadap soal ilmu dan pendidikan.

"Kedua-dua aspek ini adalah kunci kepada survival kita pada alaf baru yang serba mencabar ini. Tanpa ilmu dan pendidikan, kita sukar menguasai teknologi, jauh sekali untuk menguasai dunia," katanya.

-- BERNAMA

JS MAI